

Post-Bajet 2016

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Bajet 2016 yang baru dibentangkan oleh kerajaan bertemakan “mensejahterakan kehidupan rakyat” adalah bertepatan dengan situasi semasa dimana ramai bertanggapan bahawa kos sara hidup kian meningkat. Tanggapan ini, walau bagaimanapun, tidak selari dengan statistik inflasi yang diukur dengan indeks harga pengguna yang tidak menunjukkan peningkatan, malahan setabil untuk jangkamasa beberapa tahun. Berdasarkan ukuran ini kadar inflasi untuk lapan bulan pertama tahun ini adalah 1.9%, berbanding dengan 3.3% untuk tempoh yang sama tahun lepas.

Terdapat dua kemungkinan berkaitan dengan masalah ketidaxselarian diantara tanggapan dan statistik inflasi ini. Pertama, mungkin terdapat perubahan citarasa dikalangan orang ramai yang menyebabkan barangan dan perkhidmatan yang terkandung di dalam bakul yang digunakan untuk mengukur kadar inflasi tidak mewakili citarasa sebenar. Perubahan citarasa ini merupakan suatu yang bekemungkinan tinggi bersesuaian dengan peningkatan taraf hidup. Kedua, kadar peningkatan pendapatan individu atau isirumah lebih kecil berbanding dengan peningkatan paras harga. Kajian terperinci perlu dilakukan untuk mengenalpasti kedua-dua kemungkinan tersebut.

Seperti jangkaan umum, kerajaan mensasarkan pertumbuhan ekonomi untuk tahun 2016 dipacu oleh permintaan domestik. Ini adalah kerana keadaan ekonomi global yang masih lemah menyebabkan permintaan untuk import dari Malaysia terus lemah, walaupun dengan nilai ringgit yang rendah. Pelaburan dan penggunaan swasta dijangka tumbuh masing-masing pada kadar 6.7% dan 6.4% untuk menjana pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) diantara 4.0% dan 5.0% untuk tahun hadapan.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Perlu diingat bahawa pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh perbelanjaan swasta akan memberi tekanan menaik terhadap paras harga. Maka pendekatan ini walaupun perlu untuk pertumbuhan ekonomi, namun langkah perlu diambil supaya peningkatan harga terkawal. Jika tidak, tekanan terhadap peningkatan kos sara hidup akan menjadi lebih buruk di sebalik pertumbuhan ekonomi.

Pendekatan bajet 2016 dilihat menekankan peningkatan pendapatan kumpulan sasar secara langsung untuk menangani isu peningkatan kos sara hidup, secara umumnya melalui dua pendekatan. Pertama, melalui insentif-insentif yang menggalakan individu menceburi bidang yang mampu menjana pendapatan atau pendapatan tambahan mereka. Pelbagai insentif disediakan untuk menggalakan perniagaan dan peningkatan produktiviti terutama di kalangan kumpulan 40% isirumah terbawah atau B40.

Program sebegini jika di laksanakan secara efektif lebih berkesan untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar untuk jangka panjang. Malahan ianya dilihat mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan kerana didorong oleh produktiviti. Pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga berupaya ditingkatkan melalui inisiatif ini. Ini amat penting untuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang bukan sahaja menjelang 2020 tetapi melampauinya.

Pendekatan kedua adalah melalui konsep pemindahan pendapatan dari kerajaan terus kepada kumpulan sasar. Pemindahan pendapatan dilaksanakan melalui berbagai kaedah seperti subsidi, bonus dan seumpamanya. Pemindahan ini sama ada dilakukan sekali sahaja seperti bonus untuk penjawat awam atau mungkin secara berkala seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Kaedah ini walaupun dilihat mampu membantu golongan tertentu sedikit sebanyak untuk menangani masalah peningkatan kos sara hidup, namun ianya mungkin tidak berkesan untuk jangka panjang. Ini adalah kerana peningkatan pendapatan tidak berdasarkan produktiviti. Oleh itu, pengagihan sumber di dalam ekonomi adalah tidak cekap. Dalam pada itu, pemindahan pendapatan sebegini juga akan menyumbang kepada peningkatan paras harga atau inflasi. Ini kerana ianya mengundang kepada peningkatan permintaan. Jadi berkemungkinan dasar ini tidak berapa berkesan, atau neutral, untuk menangani kenaikan kos sara hidup terutama untuk jangka panjang.

Namun demikian kaedah pemindahan pendapatan ini mungkin lebih berkesan sekiranya tidak di dalam bentuk tunai, tetapi di dalam bentuk barangan atau perkhidmatan yang dihajati oleh kumpulan sasar secara terus. Pendekatan sebegini banyak dilakukan oleh negara maju. Umpamanya, program *food stamp* di Amerika Syarikat memberi bantuan makanan terus kepada golongan yang memerlukan. Ianya mempunyai nilai tunai tetapi tidak boleh dibelanjakan untuk barangan lain. Kerajaan mungkin perlu menimbang kaedah ini untuk masa hadapan.

Selain dari itu, peruntukan pemindahan pendapatan mungkin boleh di gunakan untuk program-program yang lebih produktif atau berimpak tinggi. Pendekatan begini bukan sahaja boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan, malahan mampu menyediakan kita untuk lebih berdaya saing apabila blok perdagangan bebas seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pacific (TPPA) menjadi realiti.

Insentif berkaitan pertumbuhan PKS patut dipuji. Ianya merupakan sumber pertumbuhan ekonomi yang perlu dioptimakan untuk menghambat status negara maju. Malahan sektor ini dijangka penyumbang terbesar kepada peluang pekerjaan. Walaupun statistik semasa menunjukkan kadar pengangguran yang rendah, namun terdapat ramai dikalangan penganggur yang berkelulusan universiti. Banyak kajian dinegara maju menunjukkan PKS mampu menyumbang kepada peningkatan kreativiti dikalangan usahawan. Oleh itu, pertumbuhan PKS dijangka mampu menyerap kebanyakan tenaga kerja berkelulusan universiti di masa hadapan.

Dalam pada itu pencapaian yang baik mungkin terhasil sekiranya program-program peningkatan pendapatan golongan B40 di kaitkan dengan pertumbuhan PKS, terutama berkaitan dengan industri asas tani. Dengan kata lain, usaha menjana pendapatan tambahan dikalangan isirumah B40 perlu diterjemahkan kepada penjanaan pendapatan utama.

Penurunan *threshold* jualan daripada RM100,000 kepada RM50,000 untuk mendaftar di bawah Skim Kadar Rata di bawah GST juga baik untuk menggalakan perniagaan asas tani di kalangan petani. Ini dilihat mampu menjana keusahawanan di kalangan petani. Namun langkah ini dijangka memberi kesan negatif kepada pengguna kerana tekanan

terhadap kenaikan harga. Ini kerana petani yang berdaftar di bawah skim ini akan menaikkan harga jualannya sebanyak 2%.

Pelbagai program untuk membantu rakyat terutamanya golongan B40 memiliki rumah dialu-alukan. Sudah pasti langkah ini mampu membantu golongan B40 menangani isu kenaikan kos sara hidup. Namun kerajaan diharap meneliti kesan terhadap golongan M40, iaitu kelompok 40% isirumah yang berpendapatan sederhana, terutama mereka yang berada di bawah kelompok ini.

Rata-rata kelompok M40 tidak layak membeli rumah melalui program-program yang disediakan oleh kerajaan untuk mereka yang berpendapatan rendah. Pihak pemaju pula dijangka menumpukan kepada pembangunan rumah untuk pasaran harga tinggi yang mampu menjana keuntungan berlipat ganda. Kesannya akan terjadi vakum untuk pasaran harga pertengahan. Jika tiada langkah pragmatik diambil, sebahagian dari golongan M40 akan menghadapi masalah untuk membeli rumah mampu milik. Justeru, kelompok ini pula akan dibelenggu dengan masalah kenaikan kos sara hidup.